

Malaysia kaji semula sekatan

DR - 6 DEC 1991

Oleh Norazmi Talib dan Azhar Abu Samah

SUBANG, Khamis --- Malaysia akan mengkaji semula sekatan ekonomi yang dikenakan ke atas Iraq kerana berpendapat rakyat negara itu tidak harus ditekan atau disiksa disebabkan kesalahan pemimpinnya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, bekalan makanan dan keperluan lain yang penting untuk kegunaan rakyat Iraq tidak harus disekat walaupun masyarakat antarabangsa tidak suka kepada kerajaan yang memerintah Iraq sekarang.

"Itu pendirian kita dan apa yang kita buat sepatutnya ingin membabitkan rakyat Iraq yang sudah tua, kanak-kanak atau orang yang tidak berdosa," katanya kepada pemberita sekembali dari lawatan ke negara Kepulauan Caribbean dan menghadiri Sidang Kemuncak

G15 di Caracas Venezuela petang ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat Iraq tidak harus ditindas semata-mata kerana kesalahan laluyang dilakukan oleh pemimpinnya ketika menceroboh Kuwait.

"Sudah menjadi hak masing-masing untuk menyalahkan mana-mana pihak tetapi di zaman ini kita berpendapat rakyat negara itu tidak harus disekat bekalan makanan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, akan menghadiri Perisidangan Pertubuhan Islam (OIC) di Senegal pada 8 hingga 12 Disember ini untuk menyertai perbincangan hubungan perdagangan dengan negara Islam.

Persidangan itu juga dijangka membincangkan soal menarik balik sekatan ekonomi yang dikena-

kan terhadap Iraq.

Ketika ditanya pendirian negara berhubung soal itu, Yerdana Menteri berkata:

"Kita mesti kaji dahulu. Kita tidak boleh mengatakan menarik balik sekatan itu tetapi apa juga yang kita buat sepatutnya jangan mmbabitkan rakyat yang tidak berdosa."

Ketika menjawab soalan lain, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kebanyakan negara maju lebih suka mengkritik daripada membuat program untuk memelihara alam sekitar.

"Mereka tidak pernah membuat strategi yang konkrit. Sebaliknya lebih suka mengkritik orang lain saja. Rancangan mereka memelihara alam sekitar tidak ada, sedangkan 80 peratus pencemaran alam sekitar dilakukan oleh negara maju," katanya.